

Yayasan Kepimpinan Perdana beroperasi awal tahun depan

UM 28 NOV 2003

PUTRAJAYA 27 Nov. — Yayasan Kepimpinan Perdana yang merupakan institut pemikiran dan sumber rujukan mengenai tokoh-tokoh serta pemimpin negara akan beroperasi sepenuhnya awal tahun depan selepas proses pengambilalihan pekerjaannya selesai dilaksanakan.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah yayasan itu, Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata, buat masa ini pihaknya sedang dalam proses melantik Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta kira-kira 20 kakitangan yang akan menjalankan kajian serta mengendalikan pusat sumber yayasan itu.

Menurut beliau, pihaknya masih belum menentukan calon yang sesuai untuk jawatan tersebut.

"Tetapi beliau mestilah

seorang yang berminat dan berpengetahuan luas mengenai sejarah negara kerana yayasan ini bukan saja mengumpulkan data mengenai bekas Perdana Menteri tetapi juga anggota kabinetnya," katanya.

Azizan memberitahu, kesemua kemudahan termasuk bangunan telah siap cuma kakitangan untuk mengendalikannya masih belum ada.

"Keutamaan yayasan ini ialah untuk menubuhkan sebuah pusat sumber yang lengkap. Oleh itu kita mahu mencari pustakawan yang mampu membina sistem dokumentasi serta mengendalikan dokumen, pita dan filem yang bernilai," katanya pada sidang akhbar, di sini, hari ini.

Menurut Azizan, sebanyak RM23 juta daripada

RM24 juta dana yayasan itu telah digunakan untuk pembinaan bangunan.

Katanya, pihaknya akan berusaha mengumpulkan dana tambahan dan yakin pengurusan bangunan itu tidak berhadapan dengan masalah kerana banyak pihak telah berjanji untuk menghulurkan sumbangan kewangan kepada dana tersebut.

Mengenai struktur operasi yayasan itu, katanya, Lembaga Penasihat terdiri daripada sekurang-kurangnya 15 orang akan mencadangkan topik yang ingin dibuat kajian dan keputusannya akan ditentukan oleh 24 orang Lembaga Pemegang Amanah yang mana enam orang daripadanya turut bertindak sebagai Exco.

Selain Azizan, lima lagi ahli Lembaga Pemegang

Amanah yang juga bertindak sebagai Exco ialah Tan Sri Azman Hashim Datuk Shahril Shamsudin, Datuk Tan Tiong Hian, Datuk Krishnan Tar Boon Seng dan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

"Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pula menjadi sumber maklumat istimewa untuk membantu mencapai objektif penubuhan yayasan ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, semua aktiviti Dr. Mahathir seperti ceramah atau ucapan yang disertainya tiada kene mengena dengan yayasan itu, sebaliknya ia adalah atas kapasiti peribadinya dan beliau bebas untuk mengenakan bayaran kepada pihak yang mengundangnya.